



**UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

**DASAR PINDAH MILIK BUKAN SAUDARA KADIM
BAGI RUMAH AWAM HARGA RENDAH
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan mengenai Dasar Pindah Milik Bukan Saudara Kadim bagi Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) Kerajaan Negeri Sembilan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMK) yang bersidang pada 6 Jun 2018 telah membuat ketetapan mengenai Dasar Pindah Milik Bukan Saudara Kadim Bagi RAHR Kerajaan Negeri Sembilan.

- 2.2 Saudara Kadim adalah terdiri daripada suami/ isteri, ibu/ bapa, anak perempuan/ anak lelaki, cucu perempuan/ cucu lelaki dan adik/ abang/ kakak kepada pemilik rumah (peserta RAHR). Selain daripada takrifan tersebut adalah dikategorikan sebagai Bukan Saudara Kadim.

3. DASAR PINDAH MILIK BUKAN SAUDARA KADIM

3.1 Dasar Pindah Milik Bukan Saudara Kadim diperincikan seperti berikut :

3.1.1 Kategori Pertama : Pindah Milik Bukan Saudara Kadim Bagi RAHR Dalam Tempoh Bayaran Sewa Beli

3.1.1.1 Bagi RAHR dalam tempoh bayaran sewa beli, syarat-syarat pindah milik Bukan Saudara Kadim adalah seperti berikut :

- a. Pindah milik Bukan Saudara Kadim hanya dibenarkan selepas tempoh sewa beli melebihi 10 tahun.
- b. Bagi pindah milik yang kurang daripada tempoh tersebut, Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan akan mengambil alih dengan mengenalpasti pemohon yang layak serta berdaftar dengan Sistem Pendaftaran Perumahan.
- c. Syarat-syarat bagi penerima pindah milik Bukan Saudara Kadim ditetapkan seperti berikut :
 - i. Warganegara Malaysia.
 - ii. Anak Negeri Sembilan yang bermastautin lebih 10 tahun dalam Negeri Sembilan.
 - iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,500.00 sebulan.
 - iv. Pemohon sudah berkahwin.
 - v. Pemohon berumur tidak melebihi 60 tahun.
 - vi. Pemohon belum memiliki rumah atau tanah yang boleh dibina rumah.

3.1.2 Kategori Kedua : Pindah Milik Bukan Saudara Kadim Bagi RAHR Telah Tamat Tempoh Sewa Beli

3.1.2.1 Bagi pindah milik yang melibatkan RAHR yang telah tamat tempoh sewa beli, syarat-syarat bagi penerima pindah milik Bukan Saudara Kadim ditetapkan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Anak Negeri Sembilan yang bermastautin lebih 10 tahun dalam Negeri Sembilan.
- c. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,500.00 sebulan.
- d. Pemohon sudah berkahwin.
- e. Pemohon berumur tidak melebihi 60 tahun.
- f. Pemohon belum memiliki rumah atau tanah yang boleh dibina rumah.

3.1.3 Pindah Milik Bukan Saudara Kadim Bagi Kes-Kes Khas

3.1.3.1 MMK boleh mempertimbangkan sesuatu pindah milik Bukan Saudara Kadim tanpa melibatkan syarat-syarat yang dinyatakan apabila :

- a. Pindah milik bertujuan kewangan di mana peserta memerlukan sumber kewangan untuk kecemasan/segera, perubatan dan pendidikan.
- b. Pindah milik atas dasar kasih sayang kepada saudara yang mempunyai hubungan kekeluargaan (selain Saudara Kadim).

4. PENUTUP

- 4.1 Permohonan Pindah Milik Bukan Saudara Kadim Bagi RAHR Kerajaan Negeri Sembilan perlu memenuhi syarat-syarat yang tekandung dalam Dasar Pindah Milik Bukan Saudara Kadim ini.
- 4.2 Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Perumahan seperti berikut:

Unit Perumahan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri

70503 Seremban

Telefon : 06-7659861 / 06-7659862

Emel : perumahan@ns.gov.my